

02/08/2002

Mesyuarat IAP MSC acara minggu ICT

MESYUARAT Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) tahun ini akan diadakan pada 5-7 September - sebahagian daripada acara Minggu ICT Malaysia 2002. IAP akan dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Minggu ICT yang diselenggarakan oleh Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, akan diadakan pada 3-7 September, kata Setiausaha Parlimen Kementerian itu, Chia Kwang Chye, pada satu taklimat di Kuala Lumpur kelmarin.

Katanya, tahun ini kali pertama acara ICT dianjurkan secara bersama sebagai sebuah acara nasional.

Beliau berkata, Minggu ICT akan menggabungkan semua kegiatan berkaitan ICT termasuk mesyuarat peringkat tinggi, persidangan dan pameran dianjurkan secara berasingan oleh pelbagai kumpulan sebagai satu acara kebangsaan.

Bertemakan 'Komunikasi, Multimedia dan Anda' itu, Minggu ICT Malaysia memasukkan Ekspo dan Forum MSC-Komunikasi dan Multimedia Asean (ACM), Ekspo MSC Multimedia Asia dan Sidang Kemuncak Perniagaan MSC-IAP, katanya.

Kira-kira 20,000 pelawat dagangan dan perwakilan dijangka menghadiri acara itu.

Minggu itu akan turut menyaksikan sebuah seminar ICT yang bermatlamat untuk melengkapkan wanita dengan perkakasan diperlukan dalam pembangunan industri ICT Malaysia anjuran Puspanita.

Chia berkata, matlamat utama semua acara ICT digabungkan adalah untuk memaksimumkan kesan daripada usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai pangkalan ICT.

Beliau berkata, Minggu ICT Malaysia 2002 juga bermatlamat merapatkan jurang digital di kalangan rakyat Malaysia kerana maklumat adalah aset penting bagi individu dan negara.

Sebanyak 300 syarikat dari 25 negara akan mempamerkan teknologi dan rumusan komunikasi dan multimedia terkini, daripada komunikasi bimbit, jalur lebar wayarles, akses Internet berkelajuan tinggi, hingga ke rumusan satelit, e-keselamatan dan perangkaian keusahawanan.